

**SOALAN NO : 119**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK WEE JECK SENG**  
**[TANJONG PIAI]**  
**TARIKH : 19 MEI 2016**  
**SOALAN :**

**YB Datuk Wee Jeck Seng** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa bilangan pesakit yang telah ditempatkan di hospital bahagia di seluruh negara mengikut kumpulan umur, jantina dan berapa orang pesakit yang berjaya dirawat dan kembali ke masyarakat umum.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Terdapat empat (4) institusi mental di seluruh negara iaitu Hospital Bahagia Ulu Kinta Perak, Hospital Permai Johor, Hospital Mesra Bukit Padang Sabah dan Hospital Sentosa Sarawak. Pada tahun 2015, data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan bahawa jumlah keseluruhan pesakit mental di dalam keempat-empat institusi ini adalah sebanyak 4257 orang. Daripada jumlah tersebut, 72.7% (3095) adalah lelaki dan 27.3% (1162) adalah perempuan. Dari segi kategori umur, didapati mereka yang berumur antara 30 hingga 49 tahun mencatatkan kes gangguan mental yang paling tinggi.

Pesakit mental yang telah pulih akan didiscaj dan ditempatkan di dalam komuniti bagi menerima rawatan susulan selanjutnya di fasiliti kesihatan yang terdekat dengan kediaman mereka. Pesakit-pesakit yang telah stabil juga ditempatkan dalam program seperti *job placement* yang membolehkan mereka untuk berintegrasi dalam masyarakat. Bagi tahun 2015, jumlah pesakit yang telah

**berjaya dirawat dan didiscaj adalah seramai 4248 orang. 72.62% (3085) adalah lelaki dan 28.38% (1163) adalah perempuan.**